

03 JUN 2003

Mahathir-Asia/I

ASIA MESTI BEBASKAN DIRI DRP BEBANAN SEJARAH, KATA PM

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika Asia mahu memainkan peranan dalam membentuk Order Baru Dunia, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah membebaskan dirinya daripada bebanan sejarah.

"Mungkin masyarakat Asia perlu mengingatkan diri sendiri bahawa mereka sudah bertamaddun lama sebelum penduduk Eropah muncul daripada gua," katanya pada simposium ulang tahun ke-15 Institut Kajian Antarabangsa Jepun (IIPS) di Hotel Okura di sini hari ini.

Dalam ucaptamanya bertajuk "The Asian Dimension under the New World Order: Evolving Paradigm in Asia and Japan," (Dimensi Asia di Bawah Order Baru Dunia: Perkembangan Paradigma di Asia dan Jepun), Dr Mahathir berkongsi pendapatnya dengan hadirin yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik, mengenai apa yang boleh dilakukan oleh Asia untuk keluar daripada corak pemikiran sedemikian.

"Orang Asia mempunyai caranya sendiri. Kita tidak wajar memaksa diri untuk buat seperti yang dilakukan oleh orang Eropah. Kita perlu merangka sistem kita sendiri dan buktikan kebaikannya dengan mengamalkannya sendiri.

"Jika orang Asia mahu memainkan peranan dalam menentukan Order Baru Dunia, kita perlu belajar menjadi lebih kritikal kepada idea dan konsep yang diketengahkan oleh Barat.

Jika kita tidak lakukannya, maka kita tidak mungkin dapat memainkan peranan bermakna dalam membentuk Order Baru Dunia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata masyarakat Asia tidak perlu mengguna pakai pendekatan yang serupa dengan orang Eropah. "Kita tidak perlu menakluk atau menguasai bagi memastikan nilai-nilai dan idea kita diterima. Formula kejayaan Jepun telah menjurus negara lain di Asia untuk mengguna pakainya atas kehendak sendiri."

"Jika kita lebih berjaya, orang lain akan ikut. Jika kita gagal, kita bersedia untuk buat pindaan atau menolaknya.

Kita jangan terlalu fanatik dengan ciptaan kita sendiri yang apabila gagal atau hasil yang buruk, kita terus memaksa diri untuk mendokongnya. Hasil adalah lebih penting daripada ideologi atau sistem."

"Kita kadangkala mungkin merasa kita bersendirian apabila kita sedang jatuh bangun dan ditentang dengan hebat. Namun, tidak ada sistem yang sempurna. Kita jangan terperangkap untuk menerima semua dan setiap interpretasi idea asal atau sistem.

"Dalam masa yang sama, kita mesti bersedia mendengar komen dan kritikan bagi memperbaiki idea asal.

Tidak mustahil masyarakat Asia menerima dan mengadunkan idea mereka dengan penduduk Eropah dan lain-lain. Hasilnya masih mencerminkan input Asia, sumbangan Asia kepada Order Baru Dunia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata globalisasi berjaya menjadikan dunia sebagai sebuah negara tunggal. Tidak tepatkah bahawa negara kaya perlu menyumbang kepada pembangunan negara-negara miskin?, tanya beliau.

Yang kaya, kata Dr Mahathir, telah bersetuju menyumbang 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk membantu yang miskin, dan hampir kesemua mereka telah memungkiri janji. Dan, yang miskin terus miskin, katanya.

"Negara miskin tidak wajar menaruh keyakinan bahawa dunia bertanggungjawab kepada mereka, tetapi sebaliknya, jika yang kaya menjadi senang kerana mengeksploitasi yang miskin, sama ada secara langsung atau

tidak, adalah adil yang kaya membantu mengeluarkan yang miskin daripada kepapaan.

"Keputusan yang kaya untuk tidak menyumbang wang kerana bimbang disalah guna oleh kerajaan yang tidak cekap, mungkin tepat. Pepatah Cina berkata apabila orang meminta makanan, berikan mereka joran. Dia akan sentiasa bebas daripada kelaparan.

"Jadi berikan joran kepada negara-negara miskin dengan membangunkan infrastruktur yang perlu supaya mereka mungkin dapat mengeksport produk dan mengimport barangan yang mereka perlukan pada harga yang berpatutan.

"Lapangan terbang, landasan kereta api, jalan, bekalan air dan elektrik, dapat menjayakannya. Malah semasa projek ini sedang dibina, peluang pekerjaan yang disediakan akan memberi manfaat kepada rakyat. Tanpa ragu-ragu lagi, manfaat ini akan berlipat ganda, katanya.

"Saya mengakui inilah cadangan saya pada persidangan di Boao, China. Suasana menjadi senyap ketika itu. Untuk menyokong pembukaan sempadan supaya kekayaan negara boleh dieksploitasi oleh negara kaya dianggap betul tetapi supaya dipulangkan semula sebahagian daripada kekayaan itu kepada negara yang dieksploitasi, tidak mendapat sambutan.

"Saya yakin sepenuhnya Asia boleh menyumbang secara positif kepada mewujudkan order baru dunia yang mengagih-agihkan kekayaan bumi secara lebih saksama. Itulah yang sepatutnya menjadi Dimensi Asia menerusi Order Baru dunia," kata Dr Mahathir.

Masyarakat Eropah katanya mendakwa nilai-nilai mereka merupakan nilai sejagat dan tidak wujud satu nilai Asia. "Jika ada, maka mereka mungkin tersilap atau merendah diri. Dan hari ini, nilai-nilai sejagat pada asasnya adalah nilai masyarakat Eropah."

"Sebuah negara bangsa merupakan konsep Eropah, seiring dengan idea mengenai hak asasi manusia, kebebasan dan demokrasi. Dan kini, kita perlu menerima idea dunia tanpa sempadan dan globalisasi yang secara nyata menafikan kemerdekaan negara. Dan Asia tidak membantah," kata Dr Mahathir.

"Walaupun ia seolah bertentangan dengan pemikiran Eropah, ia hanya merupakan helah untuk memecah halangan kepada eksploitasi mereka terhadap kekayaan dan entiti yang diwujudkan oleh idea negara bangsa, kebebasan dan kemerdekaan. Mereka sendiri akan terus kekal sebagai negara bangsa melalui cara lain," katanya.

Masyarakat Asia, katanya, tidak pernah mengubah konsep yang dipromosikan oleh Eropah itu.

"Mereka akan merasa bersalah kerana tidak menerima nilai-nilai sejagat dan idea yang dipropagandakan oleh Eropah. Malah apabila masyarakat Eropah mengubah idea mereka, Asia merasa terikat untuk menerimanya."

"Ia seolah-olah masyarakat Asia bukan hanya kehilangan idea tetapi mengalami kebuntuan minda yang menghalang mereka daripada meneliti secara kritikal pemikiran masyarakat Eropah dan jika perlu menolaknya.

"Mereka tidak dapat menolak negara bangsa yang memihak kepada globalisasi jika ia tidak diusahakan oleh Eropah," katanya.

"Sememangnya ada kekurangan dalam sistem lama perdagangan antarabangsa. Tetapi mestikah jawapannya perdagangan sebebaskan-bebasnya dan menyingkirkan sempadan nasional? Tidak bolehkah laksanakan sesuatu yang kurang ekstrem?" tanya Dr Mahathir.

Namun masyarakat Asia, kata Dr Mahathir, tidak mempersoalkan idea perdagangan bebas dan perubahan yang mengiringinya. Asia tidak sahaja menerimanya malah penuh yakin ia baik untuk mereka, malah selepas kemakmuran ekonomi mereka dimusnahkan oleh rejim ini, mereka tidak menukar komitmen masing-masing, katanya.

Sebaliknya, kebanyakan negara Eropah menolak perdagangan bebas apabila ia menjejaskan mereka dan tidak teragak-agak untuk menyelamatkan dana lindung nilai, industri automotif dan syarikat penerbangan, kata Dr

Mahathir, yang menekankan bahawa perladangan mereka dilindungi dan jika ada sebarang ancaman, mereka akan mengenakan tarif timbal balas dan halangan bukan tarif yang lain.

Dalam masa yang sama, ketelusan begitu hebat disokong supaya dilakukan dalam semua urusan perniagaan, katanya.

Namun dana lindung nilai yang urusannya lebih besar daripada nilai keseluruhan perdagangan dunia, tidak perlu pula telus, katanya dan dana-dana ini boleh menyebabkan ancaman besar kepada ekonomi negara-negara di keseluruhan rantau.

-- BERNAMA

SS HK LAT